


PERTANDINGAN DEBAT PERDANA GENDER 2015



Ahmad Zhafrir dari UIA membentangkan pencadangan pada Pertandingan Debat Perdana Gender 2015 peringkat suku akhir di Pusat Asasi Sains, UM. [FOTO NIK HARIFF HASSAN/BH]



Nurul Nabihah dari UIA ketika membentangkan bantahan isu di Pusat Asasi Sains, UM.



Sebahagian pelajar hadir pada Pertandingan Debat Perdana Gender 2015 peringkat suku akhir di Pusat Asasi Sains, UM.

48 universiti berentap peringkat prasuku akhir

» Pasukan layak ke pusingan seterusnya diumumkan hari ini

Oleh Nas Norziela Nasbah
nasnorziela@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Pertandingan Debat Perdana Gender 2015 menyaksikan 48 universiti, termasuk dari negara anggota ASEAN berentap pada peringkat prasuku akhir di Universiti Malaya (UM), di sini, semalam.

Lapan pasukan terbaik di peringkat prasuku akhir bertanding di peringkat suku akhir bertemu lapan terbaik keseluruhan.

Kategori bahasa Melayu

Lapan pasukan bagi kategori bahasa Melayu yang layak secara terus ke peringkat suku akhir ialah UM, Universiti Teknologi MARA (UiTM) A dan B, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) A dan B, Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) A dan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN).

Bagi kategori Bahasa Inggeris pula, ia membabitkan pasukan UiTM, UIAM (dua pasukan), Cebu Institute of Technology-University (CIT), Singapore Management

University (SMU), UM, National University of Singapore (NUS) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), masing-masing satu pasukan.

Pertandingan anjuran Institut Pempayaan Wanita bagi Anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NIEW) yang diadakan selama empat hari bermula Jumaat lalu, memperlihatkan 111 pasukan daripada kedua-dua kategori berentap pada peringkat pusingan.

Setiap kategori kemudian disenarai pendek menjadi 48 pasukan yang berentap pada pusingan prasuku akhir dan suku akhir, separuh akhir (16 pasukan) dan lapan pasukan ke final.

Pasukan yang berjaya ke pe-

ringkat separuh akhir dan akhir bagi kedua-dua kategori akan diumumkan hari ini.

Usul diperdebat

Antara usul yang diperdebatkan bagi kategori bahasa Melayu adalah 'Dewan ini mencadangkan wanita sebagai ketua keluarga', 'Dewan ini akan menutop kuasa kemasukan pelajar lelaki ke IPT' dan 'Dewan ini akan mengiktiraf atlet transgender'.

Sementara bagi kategori Bahasa Inggeris, tajuk yang diperdebat ialah *This House will not ponder to gender roles when attempting to fulfill feminist goals*, *The House believe that mandatory arrest and nor drop prosecution principle disenpower victims of domestic violence* dan *This House believe that the legalisation of prostitution is fundamentally incompatible with gender equality*.

Dianjurkan secara tahunan sejak tahun 2011 dengan kerjasama Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (MADUM), ia bertujuan meningkatkan kesedaran, medan bertukar idea serta memperkasa topik berhubung isu gender dalam kalangan masyarakat, terutama belia.

Penganjuran Debat Perdana Gender adalah sebahagian daripada usaha untuk memperkenalkan dan memperkasa agenda berkaitan gender terutama wanita, sesuai dengan fungsi dan tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK).